

TARIKH : 10 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Ekonomi MADANI jamin kemampuan, daya saing negara

Ekonomi MADANI jamin kemampuan, daya saing negara

Kerangka jelas bantu pembentukan dasar, perincian tindakan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat menepati keperluan dan tuntutan yang diperlukan negara untuk menjamin kemampuan ekonomi, daya saing serta kesejahteraan rakyat menuju ke hadapan meskipun berdepan persekitaran yang mencabar.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata kerangka ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kejelasan sasaran yang ingin dicapai dalam 10 tahun akan da-



tang dengan mendasar dua tiang utama iaitu memstruktur semula ekonomi dan kehidupan berkuiliah untuk rakyat.

Bellau berkata, dengan adanya kerangka yang jelas akan membantu pembentukan dasar dan perincian tindakan serta pelaksanaan yang bakal menyusul.

Katanya, Malaysia semanginya memerlukan penstruktur semula ekonomi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara kekal kukuh melangkah ke depan.

"Sebagai ahli ekonomi, saya sering utarakan beberapa bulan lalu bahawa perlu ada satu kerangka untuk membawa ekonomi ke hadapan. Saya ucapkan setinggi tahniat kepada Perdana Menteri dan kerajaan sudah beri satu penerangan atau ke-

rangka menepati keperluan negara hari ini.

"Kita perlu struktur ekonomi dan tidak ada pilihan lagi. Jika kita masih berleghah, kita akan jadi negara yang bermasalah," katanya pada sidang media khas Ekonomi MADANI: Mencapai Sasaran di Bangi, semalam.

Perlu komitmen jitu

Mengulas lanjut, Noor Azlan berpendapat beberapa sasaran yang ditetapkan kerangka ekonomi itu dilihat begitu mencabar dan kunci kepada kejayaan adalah bergantung kepada pelaksanaannya.

Malah, bellau berkata, ada juga sasaran yang baginya kurang jelas dari segi perincian untuk mencapainya seperti berada dalam kedudukan 30 ekonomi terbesar dunia.

Sehubungan itu, katanya sasaran yang ditetapkan memerlukan komitmen jitu

semua pihak dan pelaksanaan akan menjadikannya berbeza berbanding pelan yang dilancarkan sebelum ini.

"Secara umumnya, sasaran adalah untuk membawa negara ke depan. Saya melihat kerangka ini (Ekonomi MADANI), ia bukan sesuatu yang baharu. Kita sudah banyak dokumen pembangunan. Cabaran sebenar adalah pelaksanaan yang membolehkan ia berbeza," katanya.

Noor Azlan mencadangkan pelaksanaan Ekonomi MADANI mesti diinstitusikan dengan penubuhan pasukan khas yang berdedikasi dan diberi mandat untuk memastikan pelaksanaan kerangka ekonomi itu berjaya.

Bellau berkata, pasukan itu mesti dianggotai oleh individu yang berkebolehan dan mempunyai kefahaman yang jelas dan mesti bekerjasama dengan semua kementerian dan pihak berkaitan untuk merealisasikan Ekonomi MADANI.

"Semua pihak mesti jelas dan faham peranan masing-masing dan bersedia bersama menggerakkan Ekonomi MADANI. Permasalahan mesti ditangani segera," katanya.

Secara umumnya, sasaran adalah untuk membawa negara ke depan. Saya melihat kerangka ini (Ekonomi MADANI), ia bukan sesuatu yang baharu. Kita sudah banyak dokumen pembangunan. Cabaran sebenar adalah pelaksanaan yang membolehkan ia berbeza.



Noor Azlan Ghazali, Pengarah MINDA-UKM



'Jurang ketidakseimbangan antara negeri mesti dirapatkan'

Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan perlu sejajar dalam usaha merapatkan jurang ketidakseimbangan ekonomi antara negeri yang melebar.

Malah, usaha itu juga dilihat akan memudahkan perniagaan dijalankan di negara ini, sekali gus menepati hasrat dalam kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali,

berkata pertumbuhan ekonomi negara dilihat tidak tersebar dengan baik memandangkan hampir 60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) disumbangkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor.

Bellau berkata, terdapat sambilan negeri masih lagi kekal di bawah paras rendah dari segi pertumbuhan dan pendapatan, yang menunjukkan pelaburan hanya tertumpu di negeri tertentu.

Katanya, kesedaran itu merisakan memandangkan bila negara mencapai status negara berpendapatan tinggi, negeri yang

ketinggalan tidak akan merasainya.

"Pertumbuhan ekonomi dilihat lebih tertumpu (di negeri tertentu). Ini menjadi satu kerisauan, negara mungkin menjadi negara berpendapatan tinggi, tetapi tidak bagi negeri kerana sesetengah negeri ketinggalan," katanya pada sidang media khas mengenai Ekonomi MADANI: Mencapai Sasaran di Bangi, semalam.

Mengulas lanjut, Noor Azlan berkata, tindakan khusus perlu dilaksanakan termasuk strategi pelaburan berdasarkan geografi

yang lebih strategik untuk negeri.

Bellau berkata, banyak rancangan pelaburan lebih dilihat di peringkat negara, tetapi agak kurang memabatkan peringkat negeri.

Justeru, katanya, adalah masanya untuk merencanakan perancangan ekonomi di negeri-negeri dan jika tidak, jurang ketidakseimbangan wilayah akan berterusan.

Ditanya mengenai pelaksanaan gaji progresif pula, Noor Azlan berkata, ia adalah idea yang baik, namun dari segi konteks mungkin sebaliknya.

Bellau berkata, dari segi pendapatan, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah komitmen kepada mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir.

Katanya, selagi ada lambakan pekerja asing kurang mahir, usaha untuk meningkatkan pendapatan bagi golongan berpendapatan rendah di negara ini tidak akan selesai.

Sehubungan itu, pendapatnya adalah lebih baik kerajaan tidak menetapkan paras gaji bagi mengelakkan gangguan kepada industri.